

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

Kempen Pulangan Tunai Credit Limit Increase CIMB Bank

1. Kempen Pulangan Tunai Credit Limit Increase (“**CLI**”) CIMB Bank (“**Kempen**”) adalah dianjurkan oleh CIMB Bank Berhad [No. Pendaftaran: 197201001799 (13491-P)] (“**CIMB Bank**”).

Tempoh Kempen

2. Kempen akan berlangsung dari 18 April 2025 hingga 30 Jun 2025, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”).
3. CIMB Bank merizabkan hak dengan memberikan notis tidak kurang daripada tujuh (7) hari kalendar untuk menukar jangka masa dan/atau tarikh-tarikh pemulaan dan/atau penamatan Tempoh Kempen.

Kelayakan

4. Kempen ini terbuka kepada pemegang kad kredit utama CIMB Bank yang terpilih dan menerima pesanan ringkas (“**SMS**”) di nombor telefon bimbit pemegang kad dan/atau panggilan telefon (“**Panggilan**”) daripada Saluran Telepemasaran Runcit (“**RTC**”) dan/atau surat elektronik promosi (“**eDM**”) ke alamat emel pemegang kad, kedua-duanya yang disimpan dalam rekod CIMB Bank, sebagai jemputan untuk menyertai Kempen ini (“**Peserta Layak**”). Sebagai alternatif, Peserta Layak juga boleh memohon dengan mengklik Pop up banner and Push Notification di CIMB OCTO APP. Akaun kad kredit CIMB Bank Peserta Layak selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai “**Akaun Kad Kredit Layak**”.

Ia hendaklah menjadi tanggungjawab Peserta Layak untuk memastikan nombor mudah alih/ alamat e-mel mereka (“**Butiran Perhubungan**”) yang diberikan kepada CIMB adalah terkini dan dikemas kini. Sekiranya terdapat perubahan pada Butiran Perhubungan, ia hendaklah menjadi tanggungjawab Peserta Layak untuk mengemas kini yang sama kepada CIMB Bank. CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak atas sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian turutan yang timbul daripadanya) yang dialami atau ditanggung sekiranya Butiran Perhubungan yang disimpan dalam rekod CIMB Bank bukan yang terkini atau betul.

Mekanik dan Syarat Kempen

5. Untuk menyertai Kempen ini, Peserta Yang Layak yang menerima jemputan daripada CIMB Bank mesti memohon CLI bersama-sama dengan penyerahan dokumentasi pendapatan terkini mereka kepada RTC semasa Tempoh Kempen.
6. Semua permohonan CLI mestilah berjaya diluluskan pada atau sebelum 15 Julai 2025. "Berjaya diluluskan" ertinya mana-mana permohonan yang telah diluluskan dan bukan hanya diluluskan bersyarat dan di mana Peserta Yang Layak telah menerima suatu pemberitahuan SMS bahawa permohonan beliau telah berjaya diluluskan.
7. Peserta Layak akan layak menyertai Kempen ini dengan membuat transaksi runcit “Transaksi Runcit Layak” (seperti yang ditakrifkan di Klausula 11) menggunakan kad kredit CIMB Bank layak seperti yang dijelaskan di bawah:

Kriteria Kelayakan	Pulangan Tunai
Belanja minimum RM150 pada Transaksi Runcit Yang Layak dalam tempoh 30 hari kalendar dari tarikh kelulusan CLI	RM50

Tempoh belanja di atas dirujuk sebagai “**Tempoh Kelayakan**”.

8. Setiap Peserta Layak dengan permohonan yang berjaya diluluskan hanya layak menerima Pulangan Tunai Ringgit Malaysia Fifty (RM50) sekali sahaja sepanjang Tempoh Kempen.

9. Jumlah keseluruhan Pulangan Tunai adalah terhad kepada Ringgit Malaysia Seratus Lima Puluh Ribu (RM150,000) sepanjang tempoh kempen dan diberikan kepada Peserta Layak berdasarkan prinsip “siapa cepat dia dapat”. Setelah jumlah RM150,000 telah habis digunakan atau diberikan kepada Peserta Layak yang memenuhi syarat, peserta lain tidak akan layak untuk menerima Pulangan Tunai walaupun mereka memenuhi semua syarat yang ditetapkan.

10. Contoh situasi di mana Peserta Layak akan menerima Pulangan Tunai:

No.	Tarikh Hantar Permohonan CLI	Tarikh Kelulusan Permohonan CLI	Belanja Minimum RM150 dalam Tempoh Kelayakan	Had Pulangan Tunai	Layak Terima Pulangan Tunai
1	25 April 2025	30 April 2025	Ya	Belum Mencapai	Ya
2	25 April 2025	30 April 2025	Tidak	Belum Mencapai	Tidak
3	30 June 2025	17 July 2025	Ya	Belum Mencapai	Tidak (luar tempoh kempen)
4	30 June 2025	2 July 2025	Tidak	Telah Mencapai	Tidak (had pulangan tunai telah dicapai)

11. Transaksi Runcit Layak untuk Kempen ini bermaksud transaksi-transaksi pembelian untuk barangan dan perkhidmatan termasuk transaksi dalam talian, tempatan, dan/atau luar negara yang dicajkan kepada akaun kad kredit Peserta Yang Layak dalam Tempoh Kelayakan dan Tempoh Pengumpulan Penyertaan. Untuk mengelakkan keraguan, transaksi-transaksi berikut juga dinyatakan secara nyata tidak termasuk dan tidak harus dianggap sebagai Transaksi Runcit Layak: -

- (i) Transaksi pendahuluan tunai /pengeluaran/deposit;
- (ii) Transaksi Kuasi Tunai - (contoh: transaksi pertaruhan dan/atau perjudian);
- (iii) Ansuran bulanan di bawah sebarang kemudahan pembayaran ansuran yang disediakan oleh CIMB atau mana-mana institusi kewangan atau pindahan dana daripada Institusi Kewangan lain
- (iv) Bayaran fi tahunan atau caj perkhidmatan, caj penghantaran, bayaran tunai, fi penggantian kad, caj pertikaian, caj penipuan atau sebarang fi, caj atau penalti sama ada yang dikenakan oleh CIMB atau sebaliknya;
- (v) Transaksi Runcit Layak yang kemudiannya dibatalkan atau dikembalikan, atau sebarang transaksi-transaksi lain yang dipertikaikan, tidak dibenarkan atau penipuan.
- (vi) Transaksi dilakukan dalam negara yang merupakan anggota Komuniti Ekonomi Eropah (EEC) atau Kesatuan Eropah (EU).

Apa-apa penentuan oleh CIMB Bank tentang apa yang merupakan Transaksi Runcit Layak hendaklah konklusif dan tidak akan dicabar dalam apa-apa cara jua melainkan yang sama kelihatan terlampau tidak adil atau saksama.

12. CIMB Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab terhadap apa-apa kelewatan dalam pengeposan Transaksi Runcit Layak kepada akaun kad kredit Peserta Yang Layak dan/atau kesilapan atau peninggalan dalam pengeposan yang sama disebabkan oleh apa jua sebab dan bagaimana pun timbul termasuk tetapi tidak terhad kepada kelewatan di pihak peniaga melainkan perkara yang sama adalah disebabkan oleh kecuaiian melampau dan/atau kegagalan CIMB. CIMB tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kegagalan dan/atau kelewatan dalam penghantaran bukti transaksi jualan oleh Visa, MasterCard, pertubuhan peniaga atau mana-mana pihak lain kecuali yang sama disebabkan oleh kecuaiian melampau atau kegagalan CIMB.

Pemenuhan Kempen

13. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Kad Kredit Layak utama Peserta Layak dalam tempoh sepuluh (10) minggu selepas tamat Tempoh Kempen.
14. Hanya pemegang kad utama Peserta Layak akan layak menerima Pulangan Tunai di bawah Kempen ini.
15. Pada masa penerimaan Pulangan Tunai oleh Peserta Layak, akaun Kad Kredit Layak mestilah tidak tertunggak, tidak sah atau dibatalkan berdasarkan definisi CIMB. Jika tidak, Peserta Layak akan dibatalkan kelayakan.
16. Pemberitahuan oleh CIMB Bank akan dibuat berdasarkan nombor telefon Peserta Layak di Malaysia yang disimpan dalam rekod CIMB.
17. CIMB Bank tidak akan melayan sebarang aduan berkenaan Pulangan Tunai dan tidak bertanggungjawab atas sebarang kegagalan teknikal, gangguan, ralat elektronik atau manusia dalam pengurusan dan/atau pemprosesan transaksi melalui Kad Kredit CIMB Bank melainkan akibat kecuaiian besar atau keingkaran sengaja pihak CIMB Bank.
18. CIMB Bank tidak bertanggungjawab terhadap sebarang implikasi cukai yang mungkin timbul daripada Pulangan Tunai atau penggunaannya. Sebarang tanggungjawab pemfailan atau pembayaran cukai adalah tanggungjawab sepenuhnya Peserta Layak. Peserta Layak dinasihatkan untuk mendapatkan nasihat kewangan bebas berkenaan perkara ini. www.cimb.com.my;

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

1. Peserta Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen, mereka:
 - a) dikehendaki membaca dan memahami Terma dan Syarat ini;
 - b) telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka terhadap Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
 - c) mengesahkan bahawa terma kontrak utama yang mempengaruhi kewajipan mereka telah dijelaskan dengan secukupnya kepada mereka;
 - d) memberi persetujuan kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka serta apa-apa data peribadi mana-mana individu yang Peserta Layak boleh berkongsi dengan CIMB mengikut Notis Privasi Kumpulan CIMB di www.cimb.com.my;
 - e) bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan secara munasabah oleh CIMB Bank berhubung dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk penentuan Peserta Layak, hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif; dan
 - f) bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Peserta Layak sekiranya CIMB tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana kewajibannya dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini yang akibat secara langsung atau tidak langsung oleh:
 - (i) kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data atau talian penghantaran;
 - (ii) kegagalan elektrik;
 - (iii) pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
 - (iv) sebarang bencana alam ("*act of God*") di luar kawalan CIMB; atau
 - (v) sebarang faktor dalam sifat "*force majeure*" yang berada di luar kawalan munasabah CIMB.
2. Peserta Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen sekiranya, semasa Tempoh Kempen:
 - a) Peserta Layak memungkir Terma-Terma dan Syarat-Syarat yang mengawal Kad Kredit Layak;
 - b) Kad Kredit Layak ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada sebarang penahanan, perintah bertentangan yang dilakukan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang; atau
 - c) Kad Kredit Layak adalah berdelinkuen, tidak sah atau dibatalkan oleh Peserta Layak atau CIMB.
3. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Layak yang ia tentukan telah:
 - a) mengganggu dengan proses penyertaan/permohonan; dan/atau
 - b) bertindak memungkir Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

4. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melanjutkan, memendekkan, memberhentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantungkan Kempen.
dengan memberikan notis terdahulu tujuh (7) hari kalendar kepada Peserta Layak melalui
- (i) pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
 - (ii) notis di cawangan CIMB; dan/atau
 - (iii) dengan sebarang cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

Bagi mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak bagi sebarang kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada sebarang pembatalan, penggantungan, pemendekan atau pelanjutan Kempen.

5. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana pihak bagi sebarang kerugian atau ganti rugi (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas) disebabkan oleh:
- a) Penyertaan atau bukan penyertaan Peserta Layak dalam Kempen; dan/atau
 - b) Sebarang kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan oleh Peserta Layak SMS.

melainkan kerugian atau ganti rugi sedemikian timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.

6. a) CIMB hendaklah mempunyai hak untuk mengubah suai, menambah, memadam, atau meminda mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini ("Pindaan") dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Peserta Layak melalui:
- (i) pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
 - (ii) notis di cawangan CIMB; dan/atau
 - (iii) iklan di satu akhbar pilihan CIMB; dan/atau
 - (iv) dengan sebarang cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
- b) Pindaan hendaklah dianggap mengikat terhadap Peserta Layak dari tarikh seperti yang ditentukan oleh CIMB dalam pemberitahuan.
- c) Jika perubahan tersebut dikehendaki oleh undang-undang atau mana-mana peraturan, peraturan, arahan, notis dan garis panduan ("Peraturan") maka perubahan tersebut akan berkuat kuasa mengikut undang-undang atau Peraturan dan CIMB akan memaklumkan/memberi notis kepada Peserta Layak mengenai perubahan ini secepat mungkin.
- d) Peserta Layak bersetuju untuk mengakses laman web CIMB pada selang masa yang tetap untuk menyemak Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kempen dan memastikan mereka sentiasa mengikuti sebarang pengubahsuaian Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
7. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak bagi sebarang kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak akibat secara langsung atau tidak langsung daripada Pindaan.
8. Peserta Layak hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan CIMB ditanggung rugi terhadap sebarang fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, ganti rugi atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB akibat daripada:
- a) penyertaan Peserta Layak dalam Kempen, dah/atau;
 - b) melanggar atau gagal mematuhi Terma dan Syarat ini.
9. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini:
- a) hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terdapat dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen; dan
 - b) dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa Kad Kredit Layak dan Program Pelan Bayaran Flexi (www.cimb.com.my/fpp1) yang akan diguna pakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
10. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan peraturan, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan-badan kawal selia lain yang berkaitan di mana CIMB tertakluk.

11. Jika CIMB tidak melaksanakan hak yang ada dalam Terma dan Syarat ini, ini tidak menghalang CIMB daripada melaksanakan hak tersebut atau mana-mana hak lain yang dimiliki CIMB pada masa akan datang.
12. a) Peserta Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB (“CRU”) untuk sebarang maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini melalui surat, panggilan telefon dan e-mel:

13.

Alamat	:	Unit Resolusi Pelanggan (CRU), Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan.
No. Telefon	:	603 6204 7788
E-mel	:	contactus@cimb.com

- b) CIMB boleh mengubah butiran perhubungan di atas dengan memaklumkan kepada Peserta Layak melalui pengumuman di laman web CIMB atau dengan sebarang cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

~TAMAT~